



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 MAC 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

16 MAC 2023 (KHAMIS)

KPDN cari peluang tawar inisiatif perbankan rahmah

Subang Jaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) akan bertemu syarikat kewangan termasuk bank tempatan untuk mencari peluang penawaran inisiatif perbankan bersifat rahmah kepada rakyat yang terkesan dengan cabaran ekonomi hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata untuk tujuan itu, beliau sudah bertemu Menteri Perdagangan Antara bangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafirul Tengku Abdul Aziz, yang memberi pandangan bagaimana usaha itu boleh direalisasikan.

Katanya, antara inisiatif rahmah yang boleh diusahakan dengan pihak bank adalah pinjaman khas kepada B40 dan golongan yang memerlukan.

"Selepas kejayaan Menu Rahmah, saya minta adakan perbincangan dengan pihak bank minggu hadapan untuk mendapat kemungkinan kerjasama dengan mereka seperti pertemuan dengan MBSB Bank hari ini, yang

sudah merencanakan satu pinjaman istimewa untuk B40.

"Idea itu sudah ada dan apabila ia direalisasikan nanti, kita akan mengadakan satu sesi libat urus bersama, bukan hanya dengan pihak bank, tetapi syarikat insurans untuk memberi pertolongan kepada golongan wanita dan belia," katanya selepas melancarkan kempen "Klasiknya Raya" oleh peruncit dan pemborong terbesar negara, Mydin, di sini, semalam.

Yang turut hadir adalah Penggarah Urusan MYDIN, Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin dan Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBSB Bank, Datuk Nor Azam M Taib.

Bertemu wakil bank

Salahuddin berkata, Tengku Zafirul bersetuju untuk membawa KPDN bertemu wakil bank terkemuka bagi membincangkan inisiatif itu dengan lebih lanjut.

"Beliau sangat positif dengan usaha yang dicadangkan ini, ma-



Salahuddin (tengah) bersama Ameer Ali ketika pelancaran Kempen 'Klasiknya Raya' di MYDIN Subang Jaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

lah bersetuju untuk membantu, seperti sebelum ini, beliau sendiri memperkenalkan inisiatif Menu Rahmah menerusi platform TikTok yang menarik se-

hingga lima juta orang untuk melihatnya," katanya.

Beliau berkata, ketika ini juga KPDN juga sudah bertemu dengan syarikat insurans kende-

raan untuk mewujudkan satu insurans ala-Rahmah yang bertujuan untuk membantu pengguna jalan yang terkesan dengan kenaikan kos membaiki kereta.

Mydin kumpul dana RM300k

Jalin kerjasama bersama 53 pembekal dalam kempen Mydin Prihatin untuk bantu golongan susah



Oleh Hafiz Ithnin
 hafizithnin@mediapri-
 ma.com.my

Subang Jaya

Mydin terus melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosialnya dengan kerjasama strategik bersama 53 pembekal pelbagai jenama bagi mengumpul dana sebanyak RM300,000 untuk disumbangkan dan membantu golongan yang kurang berkemampuan di negara ini.

Kerjasama dinamakan **Mydin Prihatin** sudah dilaksana sejak tiga atau empat tahun lalu dengan jumlah sumbangan semakin meningkat dari tahun ke tahun memandangkan ia memberi manfaat bukan sahaja kepada syarikat pembekal, malah mampu memberi pulangan sermula kepada rakyat memerlukan.

Pengarah Urusan Mydin Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, tahun pertama **Mydin Prihatin** dilaksanakan, hanya mampu mengumpul RM50,000 dan pada tahun lalu meningkat kepada RM250,000, sekali gus menunjukkan Mydin dan rakan pembekal strategik semakin agresif untuk mengadakan sumbangan berkenaan.

"Konsep **Mydin Prihatin** ini adalah apabila rakan pembekal menyumbangkan nilai jualan tertentu daripada setiap satu transaksi yang dilaksanakan.

"Contohnya, Adabi menjual sos berharga RM3.90 dan 10 sen daripada hasil jua-



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub (tengah) dan Ameer (lima dari kanan, belakang) bersama penaja majlis perasmian Kempen Klasiknya Raya di Mydin USJ, Subang Jaya. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE



HASIL kerjasama korporat dapat membantu ramai golongan kurang berkemampuan.

Konsep Mydin Prihatin ini adalah apabila rakan pembekal menyumbangkan nilai jualan tertentu daripada setiap satu transaksi yang dilaksanakan"

Ameer

MYDIN jalin kerjasama dengan UTM di lima kampus bagi menyumbang 5,000 pak makaman Menu Rahmah.



lan disumbang kepada Tabung Mydin Prihatin.

"Menariknya, rakan pembekal yang terbabit bukan saja dari syarikat besar, tetapi ada dalam kalangan pemain industri kecil dan sederhana," katanya.

Jelasnya, **Mydin Prihatin** dilaksana sepanjang tahun dan Ramadhan menjadi agresif dengan lebih banyak pembabitan rakan pembekal kerana jualan meningkat dan dalam masa sama, ia bulan yang baik untuk melakukan kerja amal.

Katanya lagi, menerusi **Mydin Prihatin** juga pihaknya bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pelbagai pihak terbabit untuk menyalurkan bantuan dengan tepat.

"Mydin Prihatin mem-

beri kemudahan kepada badan korporat untuk menyalurkan bantuan tepat dan turut dapat melakukan kerja-kerja amal ini secara berterusan.

"Setiap pembelian setiap jenama terbabit bermula lima sen sehingga RM1 bakal disumbangkan kepada **Mydin Prihatin**.

"Setiap transaksi dibuat rakan e-dompet seperti Atoome, Boost, Mcash dan Zapp di cawangan Mydin akan turut menyumbang mengikut nilai transaksi belian oleh pengguna.

"Selain itu, bagi ahli Kad Meriah boleh memotong mata ganjaran di kaunter bayaran cawangan Mydin di seluruh negara. Perkara ini turut membantu pembeli turut menyumbang kepada **Mydin Prihatin**," katanya.

Menurutnya, **Mydin Prihatin** juga mempunyai 28 bank makanan di setiap Pasar Raya Besar Mydin untuk disumbangkan kepada rumah kebajikan yang berbeza pada setiap bulan.

Terdahulu, Mydin menjalin kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di lima kampus universiti itu bagi menyumbang 5,000 pak makaman Menu Rahmah kepada penuntut yang memerlukan.

Selain itu, menerusi **Mydin Prihatin**, 500 kanak-kanak di sekolah yang kurang berkemampuan turut mendapat manfaat apabila menerima set kelengkapan persekolahan bernilai RM150 setiap satu.

Ameer berkata, Mydin menerusi **Mydin Prihatin** aktif menyantuni pelbagai pihak berkemampuan dengan mempunyai lori **Mydin Prihatin** bagi mengenal pasti golongan sasar itu dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.



MYDIN Prihatin merupakan aktiviti tanggungjawab korporat yang memberi kesan baik kepada masyarakat.

Klasiknya Raya

Oleh Hafiz Ithnin
 hafizithnin@mediaprima.com.my

Subang Jaya

Mydin menjalankan kerjasama strategik dengan MBSB Bank Bhd (MBSB Bank) bagi memberi kemudahan kepada pengguna yang membeli-belah di pasar raya berkenaan untuk membuat pembayaran dan permohonan kad kredit.

Menariknya, kerjasama itu membolehkan MBSB Bank membuka 14 bank bergerak yang berada di 14 cawangan Mydin antaranya di USJ Subang Jaya (Selangor), Seremban 2 (Negeri Sembilan), Senawang (Negeri Sembilan), Mutiara Rini (Johor) dan MITC (Melaka).

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, kerjasama dengan bank itu adalah kali pertama bersama rakan strategik bank tempatan memandangkan MBSB Bank mempunyai sasaran pelanggan dalam kalangan M40 dan B40 termasuk usahawan perindustrian kecil dan sederhana (PKS).

"Ia sesuai dengan Mydin yang menjadi pilihan golongan berkenaan yang menjadikan pusat beli-belah kami sebagai lokasi membeli-belah harian."

"Selain itu, ia juga memberi nilai tambah kepada kedua-dua pihak iaitu MBSB Bank dapat menambah jumlah pelanggan yang mengunjungi cawangan Mydin dan pelanggan kami juga mendapat perkhidmatan perbankan yang lebih mudah," katanya.

Bellau berkata demikian selepas mengumumkan Kempen Klasiknya Raya di-raitan bersama MBSB Bank.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub dan Ketua Pegawai Operasi MBSB Bank Lesleigh Johari.

Menerusi Kempen Klasiknya Raya, pelanggan berpeluang mendapatkan kredit e-dompet bernilai RM500 dengan berbelanja menggunakan e-dompet MBSB Bank.

"Lebih menarik, MBSB Bank juga bekerjasama dengan Mydin bagi program pengagihan bubur lambuk sejumlah 40,000 pek sepan-



SALAHUDDIN (tengah) dan Ameer (dua dari kanan) ketika majlis perasmian Kempen Klasiknya Raya, semalam.

Mydin, MBSB Bank jalin kerjasama

Beri kemudahan kepada pengguna membeli-belah di pasar raya untuk membuat pembayaran dan permohonan kad kredit



SALAHUDDIN (dua dari kiri) bersama Ameer (kanan) melihat jualan Baju Raya Rahmah.

jang Ramadan ini.

"Kerjasama dengan MBSB Bank ini bukan sekadar pulangan perniagaan tetapi kami juga komited untuk melaksanakan aktiviti tanggungjawab korporat untuk memberi manfaat kepada pelanggan atau golongan yang memerlukan," katanya.

Mengenai kerjasama itu lagi, Ameer berkata, apabila pelanggan Mydin memohon pembayaran atau menggunakan khidmat MBSB Bank, pelanggan berkenaan turut menerima e-baucar Mydin dengan pelbagai nilai bergantung ke-



pada pembayaran yang berjaya dipohon.

"Perkara ini juga dilihat memberi nilai tambah kepada pelanggan kedua-dua belah pihak kerana mereka bukan sahaja berjaya mendapatkan pembelian tetapi boleh berbelanja di Mydin menggunakan e-baucar yang diberikan.

"Kami melihat ia juga memberi kesan yang baik dari perniagaan kedua-dua belah pihak terutama mengukuhkan jenama korporat dalam kalangan pengguna di Malaysia," katanya.

Jelasnya, kerjasama itu juga bagi menggalakkan lagi penggunaan teknologi sebagai platform pembayaran bagi Mydin.

Dengan penggunaan e-dompet MBSB Bank, akan memberi banyak manfaat kepada pembeli.

"Kita ingin menggalakkan orang ramai menggunakan platform digital sebagai platform pembayaran kerana ia lebih mudah dan selamat. Apabila MBSB Bank memperkenalkan inisiatif e-dompet ini sudah tentu dapat menggalakkan transaksi secara digital."

"Malah, lebih menarik lebih banyak pelanggan membeli-belah dan membeli dengan e-dom-



Kerjasama dengan bank itu adalah kali pertama bersama rakan strategik bank tempatan memandangkan MBSB Bank mempunyai sasaran pelanggan dalam kalangan M40 dan B40 termasuk usahawan PKS"

Ameer

pet mereka akan berpeluang mendapat e-dompet MBSB Bank bernilai RM500," katanya.

Katanya, selain itu pelanggan berpeluang memnangi kereta mewah serta paket percutian dengan menyertai kempen, Simpan Berganda, Menang Bergaya 2.0 melalui pembukaan i-akaun simpanan Primewin dan semasa Primewin.

Jelasnya, bagi pemegang Kad Meriah, apabila memohon membuka akaun Bank MBSB Bank, bank berkenan akan mengkreditkan RM20 ke dalam bank mereka.



AMEER

KPDN bakal perluas inisiatif Rahmah industri perbankan, insurans

Subang Jaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bakal meluaskan lagi inisiatif Rahmah dalam kalangan pemain industri perbankan dan insurans dalam masa terdekat.

Ia sejajar bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat terutamanya membabitkan golongan B40 dan M40.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya meminta kerjasama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz untuk membolehkan pihaknya mengadakan perjumpaan dengan pemain dalam kedua-dua industri berkenaan.

Menurutnya, perjumpaan

dengan pihak bank misalnya bagi membolehkan pemain industri berkenaan menawarkan pembiayaan kepada golongan B40.

"Ideanya sudah ada seterusnya kita akan adakan sesi libat urus. Begitu juga dengan

insurans, kita melihat mungkin ada insurans yang boleh diberikan kepada wanita atau belia.

"Baru-baru ini, saya juga berbincang dengan satu pemain industri in-

surans.

"Contohnya, untuk kereta terpakai yang dibeli dan

ada risiko kerosakan besar seperti enjin. Mungkin ada insurans Rahmah yang boleh kita tawarkan kepada mereka," katanya pada majlis pelancaran kempen Klasiknya Raya di sini, semalam.

Kempen yang dianjurkan oleh rangkaian pemborong dan peruncit terbesar tempatan, Mydin dengan kerjasama rakan eksklusif per-

bankan MBSB Bank sempena menjelangnya sambutan bulan Ramadan dan Aidilfitri tidak lama lagi.

Mengulas lanjut mengenai insurans, Salahuddin berkata, perlindungan mengenai kereta lama juga antara yang bakal diberi perhatian bagi membolehkan pemiliknya mendapat perlindungan untuk kenderaan mereka.

Perlindungan mengenai kereta lama juga antara yang bakal diberi perhatian

KPDN bakal adakan libat urus bersama institusi perbankan dan syarikat insurans

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SUBANG JAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) bercadang untuk memperkenalkan kemudahan pembayaran pinjaman dan insurans kenderaan terpakai untuk golongan B40 di bawah inisiatif Payung Rahmah.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, KPDN akan bertemu dengan institusi perbankan dan pihak insurans bagi membincangkan inisiatif berkenaan.

"Ideanya sudah ada, untuk seterusnya akan diadakan sesi libat urus. Mungkin saya akan adakan pertemuan dengan pemain industri perbankan minggu depan."

"Malah pihak pengurusan MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) juga telah menyatakan bahawa mereka mungkin akan menawarkan pinjaman istimewa kepada B40."

"Begini juga dengan pihak insurans, mungkin akan ada

Cadang pinjaman, insurans kenderaan terpakai Rahmah

insurans kita boleh bagi kepada wanita, belia selain mewujudkan insurans kereta terpakai buat rakyat yang tidak mampu membeli kereta baru," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akbar selepas merasmikan Kempen Klasiknya Raya Mydin di bawah Payung Rahmah di Pasar Raya Besar Mydin USJ, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin.

Salahuddin turut memaklumkan, beliau telah mengadakan perbincangan dengan syarikat insurans mengenai cadangan insurans Rahmah untuk kereta terpakai.

"Sermalam (Selasa) saya berbincang dengan salah sebuah syarikat insurans kerana kereta terpakai contohnya, ada yang berisiko alami kerosakan besar seperti di bahagian enjin dan kotak gear.

"Jadi mungkin akan ada insurans Rahmah yang boleh ditawarkan kepada rakyat yang memang tidak mampu beli



FOTO: BERNAMA

Salahuddin (tengah) ketika pelancaran Kempen Klasiknya Raya di Mydin USJ, Subang Jaya pada Rabu.

kereta baharu dan hanya mampu memiliki kereta terpakai. Tetapi (kita mahu) ada skim perlindungan untuk kereta mereka. Itu konsep yang telah kita fikirkan," jelasnya

Salahuddin menambah, beliau juga telah berjumpa dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada Isnin lalu bagi

mendapatkan pandangan dan cadangan dalam mengadakan perbincangan dengan bank tempatan.

Katanya, Tengku Zafrul memberikan kerjasama yang baik bagi memastikan kerajaan berjaya melaksanakan pelbagai lagi inisiatif di bawah Payung Rahmah.

"Tengku Zafrul sangat memberikan sokongan. Beliau akan

usaha untuk saya berjumpa dengan tokoh-tokoh bank supaya perbincangan itu dapat dilaksanakan," ujarnya.

Kata Salahuddin, Tengku Zafrul sebelum ini turut membantu kementeriannya mempromosikan inisiatif Payung Rahmah menerusi akaun TikTok bekas Menteri Kewangan itu yang mempunyai pengikut hamipir lima juta orang.



Ameer (kanan) memberi penerangan kepada Salahuddin (kiri) yang tertarik dengan pelbagai pilihan baju raya yang dijual di Pasar Raya Besar Mydin.



Bakul Rahmah bernilai RM100,000 akan disumbangkan kepada golongan yang memerlukan pada pelancaran Kempen Mydin "Klasiknya Raya".

Menjual pelbagai jenis pakaian raya pada harga serendah RM30 sepasang

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SUBANG JAYA

Mydin menawarkan penjimatan berganda bagi persediaan sambutan Aidilfitri dengan jualan baju raya serendah RM30 sepasang menerusi kempen Klasiknya Raya yang dilancarkan pada Rabu.

Rangkaian pemborong dan peruncit terbesar tempatan itu melancarkan kempen berkenaan dengan kerjasama rakan eksklusif perbankan MBSB Bank sempena kedatangan bulan Ramadan dan Syawal tidak lama lagi.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, sepanjang kempen itu berlangsung sehingga 15 Mei 2023, Mydin menawarkan pelbagai pilihan baju raya lelaki, wanita serta kanak-kanak pada harga rendah menerusi Jualan Rahmah.

Katanya, turut ditawarkan seleksi barang keperluan rumah dan dapur, perhiasan rumah, kuih raya, pilihan kurma dan pelbagai lagi dengan harga yang istimewa dan menjimatkan.

"Mydin menganjurkan Jualan Rahmah bagi baju raya serta Bazar Ramadan Rahmah dalam meringankan beban perbelanjaan khususnya ketika musim perayaan."

"Bagi baju raya, harga sebenarnya adalah RM79 sepasang tetapi (menerusi kempen ini) kita jual cuma RM30 sepasang sahaja," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kempen itu di Pasar Raya Besar Mydin di sini.

Majlis pelancaran kempen itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Mengulas lanjut, Ameer memberitahu, Mydin menawarkan pelbagai keperluan dengan harga yang amat kompetitif dan mampu milik mengambil kira peningkatan kos sara hidup akibat

Jualan Rahmah di Kempen Klasiknya Raya Mydin

tekanan yang berlaku secara global.

Beliau berkata, dengan inisiatif berkenaan, Mydin menjangkakan peningkatan jumlah pengunjung sehingga 50 peratus bagi mendapatkan kelengkapan persediaan perayaan mereka.

"Untuk menggalakkan masyarakat berbelanja dengan menggunakan teknologi aplikasi digital yang lebih mudah dan selamat, Mydin turut bekerjasama dengan rakan e-dompet iaitu Atome, Boost, MBSB Bank e-wallet, MCash dan Touch'nGO eWallet.

"Ia bagi menawarkan pulangan tunai keseluruhan bernilai RM300,000 bagi setiap transaksi di Mydin dengan menggunakan aplikasi terlibat. Kempen bersama rakan e-dompet ini sah sehingga 7 Mei 2023," ujar beliau.

Ameer menambah, Mydin turut akan menyumbang Bakul Rahmah bernilai RM100,000 kepada golongan memerlukan melalui inisiatif Mydin Prihatin bagi memberikan sokongan terhadap inisiatif kerajaan menyantuni golongan memerlukan melalui Payung Rahmah.

"Tidak dilupakan nasib mereka yang kurang bernasib baik, Mydin menerusi inisiatif Mydin Prihatin juga turut menjalinkan kerjasama strategik bersama lebih 50 jenama pembekal.

"Pelanggan yang membeli produk terpilih bagi jenama terlibat, sejumlah dana akan disumbangkan kepada rumah kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara," tambahnya.

Kata beliau, pelanggan juga boleh menyumbang melalui rakan e-dompet tersebut atau dengan memotong mata ganjaran kad Meriah di kaunter bayaran Mydin.

Ameer memaklumkan, Mydin menjangkakan kerjasama dengan rakan strategik Mydin Prihatin itu mampu mengumpul sebanyak RM300,000 untuk



Orang ramai mengunjungi tapak jualan selepas pelancaran Kempen Mydin "Klasiknya Raya" di Pasar Raya Besar Mydin, Subang Jaya, pada Rabu.



diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Jelas beliau, sepanjang bulan Ramadan ini juga, Mydin akan mengagihkan 40,000 pek bubur lambuk di cawangan-cawangan Mydin yang terlibat.

Beliau berkata, tema Klasiknya Raya bagi kempen itu pula dipilih bagi meng-

gamit semula tradisi dan semangat perayaan yang lebih harmoni dan penuh kesederhanaan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kempen itu, orang ramai boleh mengunjungi laman media sosial atau laman sesawang rasmi Mydin Malaysia di www.mydin.my.

EXPANSION PLAN

MINISTRY TO HOLD TALKS ON RAHMAH INITIATIVE WITH BANKS

Engagement will explore ideas like providing loan schemes for B40 group

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry is set to discuss ideas to expand the Rahmah initiative with banking industry players soon.

Its minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub, said he had requested for an engagement session with the industry, which could take place next week.

He said he had requested the aid of International Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz on the matter.

"One of the ideas I've received (from a bank) is the possibility of special loan schemes for the Bottom 40 income group."

"But we'll wait for the engagement session first before announcing anything. I'm sure the banking institutions are keen to find ways to help the people together with the ministry."

"He (Zafrul) has been very supportive in working on my request for meeting the industry (players)."

"I'm sure he can help promote this initiative with his huge circle of social media followers," he said



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub (centre) with Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Dr Ameer Ali Mydin (second from right) posing for a photograph at the launch of the Mydin Klasiknya Raya campaign in Shah Alam yesterday. With them are (from left) MBSB Bank Bhd chief operating officer Jesleigh Johari, the ministry's secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof and director Mohd Zuhairi Mat Radey. PIC BY AZIAH AZMEE

after launching the Mydin Klasiknya Raya campaign at Mydin Wholesale Hypermarket here yesterday.

Salahuddin said he discussed with insurance companies on schemes that could help second-hand car owners.

"Same goes for insurance. Maybe some plans can be provided to youths or women."

"For example, Rahmah Insurance can be offered to those who purchase second-hand cars with

a high risk of breakdowns."

"The damage may involve the engine or gearbox. So, this insurance plan can help those who can't afford brand new cars."

"With this (plan), second-hand cars owners will also obtain a sort of protection scheme for their vehicles. It is a concept that we had thought about. But as I mentioned, wait for further announcements," he said.

Salahuddin added that the ministry would announce a max-

imum price scheme soon as Ramadan and Hari Raya approach.

He said the Agriculture and Food Security Ministry had shared information that the country had enough supply of essential goods for the next few months.

"The ministry will work with them (Agriculture and Food Security Ministry) to ensure that the supply chain is efficient and prices of goods are controlled during the festive month."

Widening Rahmah initiatives

Minister to meet banks over measures to further help the people

By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

SUBANG JAYA: Discussions will be held with banks to further assist the public amid rising living costs, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said engagement with banks would be held next week to brainstorm more possible initiatives under the Rahmah initiatives.

"After Menu Rahmah, Jualan Rahmah and Pakej Rahmah, the ministry wants to look into other initiatives involving the banking industry."

"We might be able to provide affordable insurance or loans for the B40 group as proposed by MBSB Bank."

"Maybe we can also offer special insurance to women or youth," he told reporters at Mydin's Klasiknya Raya event here yesterday.

Salahuddin said he met with former finance minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz in Parliament to discuss the possibility of involving the banking industry in the Rahmah initiative.

"I met with Zafrul as he used to be in the industry and was also a former finance minister."

"I told him that I want to extend



Affordable garments: Salahuddin (centre) discussing matters with Arneer Ali after the launch of Kémpen Klasiknya Raya event at Mydin Mall USJ. — SAMUEL ONG/The Star

the Payung Rahmah initiative to banking services and requested him to assist me in starting an engagement with the industry players," he said.

He reiterated that the Menu Rahmah initiative was not compul-

sory and should be offered according to the capacity of restaurants.

Recently, a food operator in Penang said he was forced to stop selling the Menu Rahmah at his restaurant as he could no longer bear the losses at his business in

Bayan Lepas.

Salahuddin said he would ask staff at the ministry to visit the food operator to see how they could help him.

Salahuddin launched Mydin's Hari Raya Aidilfitri promotions, Klasiknya Raya, that offers festive season necessities at affordable prices.

The promotion in collaboration with MBSB Bank would offer savings up to 50%.

"It has been hard not only for the people to sustain themselves due to economic challenges but industry players too."

"However, I'm thankful that a lot of industry players, including Mydin, lend a helping hand to those in need amid the economic difficulties," Salahuddin said in his speech during the launch.

Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the company under Mydin Prihatin initiative would be giving out Bakul Rahmah worth RM100,000 for the needy.

"I'd like to invite my corporate or private friends to continue supporting the ministry's initiatives," he said.

Watch the video
TheStarTV.com



Ministry to unveil Rahmah car loan initiative

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry plans to introduce loan facilities to finance the purchase of vehicles and insurance to help the B40 group under the "Payung Rahmah" initiative.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said he would be holding several engagement

sessions with banking institutions and insurance companies to fine-tune the initiative, Bernama reported.

"We will come up with a Rahmah insurance (policy) that can be offered to people who cannot afford a new car. The scheme will offer protection for second-hand

cars," he said after officiating at a campaign at Mydin Hypermarket in Subang Jaya yesterday.

He said International Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz was supportive of the move and was willing to cooperate to make it a success.

Bazar Ramadan 'Rahmah' beri manfaat

PETALING JAYA: Rata-rata peniaga bersepakat jika bazar Ramadan berkonsep 'Rahmah' dilaksanakan sudah pasti akan memberi faedah kepada mereka dan juga pembeli.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPK-MWP), Datuk Mohamad Abdulrahman menyokong inisiatif tersebut jika dilaksanakan di semua bazar seluruh negara.

Menurutnya, pelaksanaan bazar tersebut akan lebih men-

dapat sambutan daripada ramai pengunjung dan dapat meningkatkan pendapatan perniaga di bulan puasa.

"Dengan jualan dalam kuantiti yang banyak, ia dapat memberikan keuntungan yang lebih kepada para perniaga," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dilapor akan memperkenalkan Bazar Ramadan Rahmah yang dianjurkan sepanjang Ramadan tahun ini.

Menurinya, Datuk Seri Salauddin Ayub berkata, pelaksanaan bazar tersebut akan dilaksanakan di beberapa lokasi strategik sempena bulan Ramadan.

Mengulas perkara itu, Mohamad bagaimanapun berkata, peningkatan terhadap kos barang mentah mungkin akan mencegatkan kebimbangan para perniaga untuk menyediakan hidangan seimbang kepada pelanggan.

Bagi penyediaan untuk menu Rahmah, katanya, peniaga perlu menyediakan menu yang

berkualiti dan jauh lebih murah daripada yang disediakan sebelum ini.

Mohamad berkata, pelaksanaan bazar tersebut juga dapat memudahkan rakyat menjalankan ibadah puasa dengan mengamalkan pemakanan yang seimbang.

Jelasnya, menu Rahmah yang dijual di Bazar Ramadan dapat mengurangkan jumlah pembaziran makanan akibat pembelian berlebihan dan kuantiti yang dijual adalah banyak.

FIM2023: Medan PKS cari rakan niaga

Peluang jana pengalaman dan perniagaan dengan francais tempatan dan antarabangsa

PUTRAJAYA

Pempamer yang menyertai Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia ke-30 2023 (FIM2023) pada Mei depan disaran mula 'mencari' dan menjalin kerjasama perniagaan dengan pihak francais lain sebelum persidangan itu berlangsung.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Azman Mohd Yusof berkata, ini bagi membolehkan lebih banyak memorandum persefahaman (MoU) atau perjanjian perniagaan dapat ditandatangani ketika FIM2023 berlangsung sekali gus



Azman (dua, kiri) melancarkan Program Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2023 (FIM2023) pada Selasa. Turut kelihatan Radzali (kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan dalam Negeri) KPDN Datuk Roziah Abudin (kiri).

menjana lebih banyak potensi pelaburan.

FIM2023 yang merupakan edisi ke-30 akan diadakan pada 18 Mei hingga 20 Mei di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bagi memberi pendedahan dan peluang perniagaan kepada individu yang berminat menjadi usahawan

francais.

Azman berkata, Persatuan Francails Malaysia (MFA) diharapkan dapat memaklumkan kepada pihak pempamer untuk terlibat terlebih dahulu dengan pihak berminat untuk jalin kerjasama.

"Kami tidak mahu pada hari FIM2023 berlangsung, mungkin

pihak yang mahu bekerjasama mengambil masa lama untuk berfikir dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran FIM2023 di sini, pada Selasa.

Azman berkata, FIM2023 menyasarkan transaksi potensi pelaburan bidang francais sebanyak RM550 juta, peningkat-

an sebanyak RM100 juta berbanding RM450 juta yang dicatatkan pada FIM2022.

Menurutnya, FIM2023 akan disertai oleh pelbagai jenama francais tempatan dan antarabangsa dan setakat ini, 94 ruang pameran telah ditempah termasuk 76 francais dari Malaysia dan yang selebihnya dari Singapura, Jepun dan Korea Selatan.

"FIM2023 juga akan menampilkan jenama francais yang menawarkan paket perniagaan francais mikro (bawah RM50,000) dan mampu milik (RM100,000) antaranya jenama Global Art dan CheeseU," kata-nya.

Dalam pada itu, Pengurus MFA, Datuk Dr Radzali Hassan berkata, selain pameran francais, program FIM2023 turut adakan persidangan francais, taklimat perniagaan dan aktiviti pendidikan hiburan.

FIM merupakan program tahunan anjuran KPDN bersama MFA dan FIM2023 dijangka menarik 15,000 pengunjung selama tiga hari tempoh pengjurannya. - Bernama

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	16/3/2023
M/SURAT :	1

	New fuel prices
	March 16 – March 22
RON95	RM2.05
	(unchanged)
RON97	RM3.35
	(unchanged)
DIESEL	RM2.15
	(unchanged)



MEDIA ONLINE (KPDN)

16 MAC 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Mar	Kempen Klasiknya Raya tawar pen-jimatan persiapan menyambut Aidil-fitri	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1077266/kempen-klasiknya-raya-tawar-penjimatan-persiapan-menyambut	BH
16-Mar	KPDN mahu perkenal inisiatif Rahmah kepada industri perbankan, insurans	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/945919/kpdn-mahu-perkenal-inisiatif-rahmah-kepada-industri-perbankan-insurans	HM
16-Mar	KPDN usahakan pinjaman ala-Rahmah untuk B40, golongan tertekan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1077281/kpdn-usahakan-pinjaman-ala-rahmah-untuk-b40-golongan-tertekan	BH
16-Mar	KPDN cadang perkenal pinjaman, insurans kenderaan Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249833	SH
16-Mar	KPDN cadang wujudkan pinjaman pembiayaan kenderaan, insurans untuk B40	https://www.thesundaily.my/home/kpdn-bercadang-wujudkan-pinjaman-pembiayaan-kenderaan-insurans-untuk-b40-BD10755127	THESUNDAILY
16-Mar	KPDN cadang wujudkan pinjaman, insurans Rahmah	https://malaysiagazette.com/2023/03/15/kpdn-cadang-wujudkan-pinjaman-insurans-rahmah/	MALAYSIAGAZETTE
16-Mar	Salahuddin banking on more Rahmah initiatives	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/15/salahuddin-banking-on-more-rahmah-initiatives	THESTAR
16-Mar	KPDN bakal usahakan pinjaman ala-rahmah	https://www.edisi9.com.my/2023/03/kpdn-bakal-usahakan-pinjaman-ala-rahmah/	EDISI9
16-Mar	Domestic Trade ministry talk banks about rahmah initiative	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/889413/domestic-trade-ministry-talk-banks-about-rahmah-initiative	NST

16-Mar	KPDN cadang wujudkan pinjaman pembiayaan kenderaan, insurans untuk B40	https://utusantv.com/2023/03/15/kpdn-cadang-wujudkan-pinjaman-pembiayaan-kenderaan-insurans-untuk-b40/?utm_source=rss&utm_medium=ss&utm_campaign=kpdn-cadang-wujudkan-pinjaman-pembiayaan-kenderaan-insurans-untuk-b40	UMTV
16-Mar	Bekalan makan cukup menjelang Ramadan	https://malaysiagazette.com/2023/03/15/bekalan-makan-cukup-menjelang-ramadan/	MALAYSIAGAZETTE
16-Mar	Tiada siapa paksa jual Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249746	SH
16-Mar	Serap 1,500 pegawai pemantau harga ke jawatan tetap	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/serap-1500-pegawai-pemantau-harga-ke-jawatan-tetap/	UM
16-Mar	Batek by Rasta Rashid terima tempahan USA, Jepun dan Singapura	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249768	SH
16-Mar	KPDN rampas 22,840 liter diesel bersubsidi cuba diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249773	SH
16-Mar	KPDN P.Pinang rampas 22,840 liter diesel bersubsidi cuba diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-p-pinang-rampas-22-840-liter-diesel-bersubsidi-cuba-diseleweng-410881%3famp=1	ASTOAWANI
16-Mar	KPDN P.Pinang Rampas 22,840 Liter Diesel Bersubsidi Cuba Diseleweng	https://siakapeli.my/2023/03/15/kpdn-p-pinang-rampas-22840-liter-diesel-bersubsidi-cuba-diseleweng/	SIAKAPELI
16-Mar	KPDN Pulau Pinang rampas minyak diesel bersubsidi bernilai RM50 ribu dalam stor tengah sawah	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-pulau-pinang-rampas-minyak-diesel-bersubsidi-bernilai-rm50-ribu-dalam-stor-tengah-sawah/#.ZBFVTXgnvbE.facebook	BULETINTV3

16-Mar	Salahuddin banking on more Rahmah initiatives	https://youtu.be/yUcN-dhCy_I	THESTAR
16-Mar	'Klasiknya Raya' Mydin, MBSB tawar penjimatan sempena Aidilfitri	https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/klasiknya-raya-mydin-tawar-pilihan-penjimatan-sempena-raya/	KOSMO
16-Mar	Menu Rahmah pemacu ekonomi rakyat - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249880	SH
16-Mar	KPDN Kelantan saran peniaga bazar Ramadan sedia Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-saran-peniaga-bazar-ramadan-sedia-menu-rahmah-410976%3famp=1	ASTOAWANI
16-Mar	KPDN cadang wujud insurans, pin-jaman kenderaan bagi B40	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/15/kpdn-cadang-wujud-insurans-pinjaman-kenderaan-bagi-b40/	FMT
16-Mar	KPDN plans to introduce car loan to help B40 group	https://www.thesundaily.my/home/kpdn-plans-to-introduce-car-loan-to-help-b40-group-JD10755581	THESUNDAILY
16-Mar	Ministry Plans To Introduce Car Loans To Help B40 Group, Says KPDN	https://www.businesstoday.com.my/2023/03/15/ministry-plans-to-introduce-car-loans-to-help-b40-group-says-kpdn/	BUSINESSTODAY
16-Mar	KPDN plans to introduce car loan to help B40 group	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2173311	BERNAMA
16-Mar	Salahuddin banking on more Rahmah initiatives	https://youtu.be/yUcN-dhCy_I	THESTAR
16-Mar	Henti jual Menu Rahmah: Pegawai KPDN diarah jumpa pemilik restoran	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1077486/henti-jual-menu-rahmah-pegawai-kpdn-diarah-jumpa-pemilik-restoran	BH